

Hukum sebat di khalayak jika rakyat setuju: PM

BH 23 APR 2002

Oleh Kadir Dikoh

SEPANG, Isnin - Kerajaan bersedia memperkenalkan undang-undang baru bagi membolehkan pesalah sumbang mahram disebat di khalayak, jika rakyat menyokong pelaksanaan hukuman itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan ingin maklum balas seperti itu kerana tindakan seumpamanya tidak pernah dilakukan di negara ini.

"Ini pendapat saya (sebat di khalayak ramai). Kalau rakyat nak, kalau semua bagi mandat kepada kerajaan, kita boleh... pasal dia orang ini dah tak malu. Kita amat kecewa," katanya pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, hari ini kembalinya dari lawatan seminggu ke Maghribi, Libya dan Bahrain.

Beliau diminta mengulas cadangan pelbagai pihak, termasuk perubahan bukan kerajaan (NGO) yang mahukan pesalah sumbang mahram disebat di khalayak sebagai pengajaran kepada masyarakat, berikutan kes itu semakin meningkat sejak akhir-akhir ini.

Dr Mahathir berkata, antara punca kes itu berleluasa ialah kurangnya pengetahuan agama.

"Kita menyuruh penuntut kita belajar agama dan kita ada dakwah itu ini, tetapi tumpuan adalah kepada politik, bukan kepada akhlak. Dengan itu, mereka tidak faham apa yang ber-

dosa, apa yang tidak, apa yang tidak baik dan apa yang baik.

"Sebab itu mereka melakukan perbuatan yang amat keji ini kerana pengetahuan agama mereka begitu cetek. Kalau kita ada pun segala kemudahan untuk belajar agama di sekolah dan di luar darjanda sekolah, tumpuan diberi kepada politik dan soal ibadat tertentu saja.

"Tidak ada langsung atau tidak ada latihan akhlak yang berkesan. Maka kita dapati orang ini akan melakukan perbuatan yang keji ini. Sebab itu, saya berpendapat bahawa kita boleh tambah hukuman lebih keras ke atas mereka," katanya.

Bagaimanapun, katanya, undang-undang saja tidak boleh menentukannya. Beliau memberi contoh mereka yang menyeludup dadah masih tetap melakukannya, walaupun undang-undang memperuntukkan hukuman mati.

Oleh itu, kata beliau, undang-undang keras saja tidak mencukupi bagi menangani perlakuan sumbang mahram.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, apa yang penting ialah seseorang itu harus mempunyai nilai mulia sejajar kehendak agama.

"Tetapi bila kita bercakap pasal ini, orang bercakap pasal politik, lebih utamakan politik, lebih utamakan parti. Akhlak orang Islam... kita berasa sedih kerana yang ini berlaku di kalangan orang Islam.

"Sepatutnya, tidak di kalangan orang Islam, tetapi

nampak akhlak orang Islam jauh sekali daripada ajaran agama. Asyik dengan politik saja... kalau kita nak buat baik saja, adalah yang nak kritik kerajaan, kata kerajaan tak Islam. Jadi kepercayaan kepada kerajaan berkurangan kerana ini," katanya.

Mengenai kemungkinan perlakuan itu semakin menjadi disebabkan penjualan cakera padat lucah, Dr Mahathir berkata orang yang menjualnya juga tidak bermoral kerana terlalu mementingkan soal wang.

Katanya, bukan mudah untuk menangani isu seperti itu kerana sekarang ini sesiapa saja boleh pindah turun bahan itu daripada Internet dan pelbagai cara yang sukar dihalang.

Beliau berkata, yang penting ialah nilai mulia dan keinginan untuk menolak segala nilai yang tidak baik itu.

"Kita perlu membina moral untuk menolak segala bentuk yang negatif seperti gambar lucah. Kerajaan tidak boleh berbuat apa. Kita ada undang-undang mencegah cetak rompak, dia orang buat juga.

"Tidak ada langsung pertimbangan kepada orang lain... sehingga menjadi masyarakat jenayah yang tidak peduli tentang apa asalkan dia boleh buat duit," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata pelantikan Ketua Penerangan Umno yang baru bagi menggantikan Datuk Mustapa Mohamed akan diputuskan pada mesyuarat Majlis Tertinggi Umno akan datang.